

# Jangan guna isu miskin: Mahathir

**KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur pihak-pihak yang menggunakan isu kemiskinan untuk tujuan politik kerana langkah negatif seperti itu tidak akan membantu membangunkan masyarakat miskin di negara ini.**

Sebaliknya, tegas beliau, salah satu langkah positif yang boleh diambil untuk meningkatkan taraf hidup rakyat ialah melalui projek kampung angkat seperti yang dilaksanakan oleh Pergerakan Pemuda Umno Malaysia.

Perdana Menteri membuat teguran itu ketika beru-

cap di majlis meraikan 30 anak angkat, anjuran Yayasan Gerak Bakti Pemuda Umno, di kediamannya di sini.

Beliau memuji langkah pergerakan itu yang telah mengenal pasti 54 kampung paling miskin di negara ini untuk dijadikan kampung angkat dan berusaha mempertingkatkan taraf hidup penduduknya.

"Saya kagum dengan langkah Pemuda Umno kerana di samping berusaha mempertingkatkan taraf hidup, ia juga berusaha mewujudkan persefahaman antara kaum, secara menjadikan anak penduduk pelbagai kaum di kampung terbabit sebagai anak angkat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, usaha memupuk persefahaman antara kaum melalui projek anak angkat itu adalah langkah yang baik dan bukan setakat di-laung-laungkan di Dewan Rakyat sahaja.

"Walaupun Umno adalah untuk Melayu, namun program anak angkat membabitkan semua kaum," tambahanya.

Katanya, kanak-kanak harus dididik untuk bersatu padu kerana fikiran mereka mudah dibentuk untuk menerima nilai-nilai hidup yang baik.

"Ini penting kerana kanak-kanak yang bersatu padu inilah yang akan menganaliti alih tempat orang-orang tua di masa akan datang. Kita perlu mendekatkan diri dengan pelbagai kaum untuk mengetahui kebudayaan dan adat resam mereka," katanya.

Dengan ini, katanya, mereka akan mengetahui cara yang paling baik untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan dan adat resam yang berlainan.

"Contohnya, orang Melayu mempunyai pantang larang seperti tidak boleh memegang atau main kepala atau menggunakan kaki untuk menunjukkan sesuatu. Jika kita faham adat resam itu, maka kita tidak akan berbuat sesuatu yang bertentangan.

"Begitu juga dengan orang Cina yang tidak suka seseorang menyentuh soal nenek moyang mereka," ujarnya.

Perdana Menteri berharap program anak angkat itu diteruskan kerana ia dapat menjamin perpaduan kaum sekarang dan masa depan.